

# Pemilihan wakil MPP

**Calon proaspirasi terus menguasai keputusan pilihan raya kampus di dua institusi pengajian tinggi**

## Pilihan raya Kampus

Oleh Rosniza Mohd Taha dan  
Khairina Yasin  
[upen@bharian.com.my](mailto:upen@bharian.com.my)

**P**EMILIHAN ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2008/2009 di dua daripada lima institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang mengadakan pilihan raya kampus itu minggu lalu, menyaksikan keputusan dikuasai calon proaspirasi.

Universiti terbabit ialah Universiti Utara Malaysia (UUM) yang memperuntukkan 36 kerusi dan Universiti

Darul Iman Malaysia (UDM) 22 kerusi, tetapi tidak mengadakan pembuangan undi berikutan semua kerusi dimenangi tanpa bertanding.

Tiga lagi universiti yang sudah membuat pemilihan ahli MPP bagaimanapun tidak menyatakan ia dimenangi barisan proaspirasi atau sebaliknya ialah Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

*Berita Harian* difahamkan, IPTA lain akan membuat pemilihan ahli MPP masing-masing Januari depan.

Timbalan Naib Canselor

Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UUM, Prof Datuk Dr Ahmad Faiz Hamid, berkata proses pengundian di universiti itu berjalan lancar tanpa insiden tidak diingini, sekali gus menunjukkan kematangan pelajar dalam berpolitik.

"Semua 35 kerusi dipertandingkan iaitu 11 umum dan kolej akademik (24) iaitu masing-masing lapan kerusi di Kolej Sastera dan Sains, Kolej Perniagaan dan Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, disapu bersih calon proaspirasi.

"Pelajar program Pengurusan Teknologi, Norhidayah

Mohamed, yang bertanding kerusi umum mendapat undian terbanyak iaitu 15,051 undi, mengatasi lapan calon lelaki," katanya.

Penolong Pendaftar Hal Ehwal Pelajar UDM, Rusdi Muda, berkata tahun ini kali ketiga universiti itu tidak mengadakan pembuangan undi berikutan semua kerusi dimenangi tanpa bertanding.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMT, Prof Dr Abdul Majid Mohd Isa, pula berkata 18 calon bertanding bagi merobut 10 kerusi universiti berkenaan, iaitu empat bagi umum dan fakulti (enam), manakala dua kerusi Fakulti Pengurusan dan Ekonomi menang tanpa bertanding.

Beliau berkata, proses pengundian dilaksanakan secara elektronik bermula dari jam 9 pagi hingga 5 petang itu menyaksikan kematangan calon dalam memperjuangkan isu masing-masing.

UMK yang pertama kali mengadakan pemilihan MPP bagi 12 kerusi umum dan satu fakulti juga berjalan lancar.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Zainai Mohamed, berkata proses pengundian menggunakan sistem e-voting itu turut menyaksikan dua kerusi, masing-masing satu umum dan fakulti, menang tanpa bertanding.

"Tiada istilah calon proaspirasi atau promahasiswa dalam pilihan raya UMK," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Suruhanjaya Pemilihan MPP



PELAJAR antarabangsa UUM, Ahmed Nor Moalim (kiri) bersama rakannya, Feng Wei dan Abd Wahab Ahmed Abdi turut mengundi.

### FAKTA NOMBOR

Pilihan Raya Kampus  
2008/2009

**20**  
buah

Institusi pengajian tinggi  
awam

**5**  
universiti

Pemilihan ahli MPP sudah  
dijalankan

2008/2009 UMP, Saharudin Ramli, menjelaskan semua 20 calon bertanding atas tiket individu dan empat kerusi fakulti menang tanpa bertanding.

Mulai tahun ini, semua IPTA diberi kebebasan menentukan tarikh pilihan raya kampus masing-masing.

Laporan akhbar sebelum ini memetik Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Idris Haron, sebagai berkata keputusan itu dibuat berikutan beberapa kekangan dihadapi beberapa IPTA termasuk pelajar berdepan minggu peperiksaan, apungan (ulang kaji) yang menyebabkan pilihan raya berkenaan tidak dapat dijalankan serentak seperti sebelum ini.



SEBAHAGIAN calon pilihan raya kampus UUM gembira selepas memenangi pemilihan ahli MPP universiti itu, baru-baru ini.